

## 300 stesen minyak Shell disasar guna tenaga solar

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Mei 3, 2021 @ 1:56pm

[zahrin@bh.com.my](mailto:zahrin@bh.com.my)



Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd, Shairan Huzani Husain (kanan) dan Pengerusi Panel Akreditasi Indeks Bangunan Hijau (GBI), Serina Hijjas di hadapan Stesen Minyak Shell Mint Hotel yang menerima anugerah GBI - Foto Shell Malaysia

KUALA LUMPUR: Shell Malaysia menasarkannya sebanyak 300 stesen minyak miliknya akan dikuasakan oleh tenaga solar menjelang akhir tahun ini. Ia seiring dengan komitmennya untuk mengurangkan kesan terhadap perubahan iklim serta mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd, Shairan Huzani Husain, ketika ini sebanyak 151 buah stesen minyak Shell sudah dikuasakan oleh tenaga solar dengan tiga daripadanya mendapat pensijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

"Komitmen Shell adalah mencapai pelepasan karbon sifar menjelang 2050 dan ketika ini juga Shell Malaysia pantas untuk mencapai komitmen ini.

"Shell Malaysia juga sedang dalam proses akhir mendapatkan pensijilan GBI bagi lima stesen minyak. Sasaran kami bagi mendapat GBI pada tahun ini adalah sebanyak 40 buah stesen.

"Komitmen ini memerlukan pelaburan berterusan dan kerjasama semua pihak. Shell Malaysia sentiasa komited dalam mencapai agenda yang ditetapkan," katanya selepas majlis penganugerahan GBI kepada Stesen Minyak Shell Mint Hotel secara maya, hari ini.

Shairan Huzani berkata, Shell Malaysia memberi fokus kepada strategi bahar tahun ini iaitu 'Powering Progress' yang bertujuan menyokong peningkatan kemajuan dengan menyediakan penyelesaian tenaga yang banyak dan bersih.

Beliau berkata, fokus terbaharu itu akan membolehkan kumpulan mempercepatkan peralihan perniagaannya mencapai pelepasan karbon sifar bersih, yang mana kelestarian dicapai akan menjadikan perjalanan hidup lebih baik untuk pelanggan dan masyarakat sekitar.

Sebagai contoh, katanya, inisiatif rendah karbon yang inovatif merangkumi 'Shell Recharge' dan membawa 'Reverse Vending Machine' di stesen minyaknya.

"Stesen Minyak Shell Mint Hotel adalah tonggak terbaharu kami untuk memenuhi komitmen ini.

"Dengan memberi tenaga kepada Malaysia dengan penyelesaian mobiliti tenaga dan inovasi yang lebih bersih, Shell berharap dapat menggerakkan sektor tenaga dan meningkatkan kecekapannya dengan menawarkan produk dan perkhidmatan dengan pelepasan karbon yang lebih rendah.

"Melalui inisiatif ini, kami dapat mencapai penjimatan kos operasi yang lebih besar di mana 50 peratus penggunaan tenaga elektrik dapat dicapai selain penjimatan 60 peratus penggunaan air," katanya.

Shairan Huzani menambah, pada Januari lalu, Shell mencapai sasaran mengurangkan pelepasan karbon dalam operasi dengan pemasangan panel solar di 100 stesen minyak di Malaysia.

Beliau berkata, bersama Cleantech Solar, Shell juga sudah memasang panel solar di 51 stesen lain sehingga bulan ini.

Secara keseluruhannya, katanya, sebanyak 15,929 panel solar dengan kapasiti pun 7.17-megawatt (MWp) sudah dipasang di bumbung stesen yang bersamaan dengan penggunaan tenaga bagi 1,853 isi rumah setiap tahun.

"Sebanyak 151 stesen Shell bertenaga solar ini dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 4,448 tan setahun, yang setara dengan menanam 79,185 pokok," katanya.